



TATACARA TINDAKAN PENGEMASKINIAN PERAKAUNAN ASET DAN LIABILITI SELEPAS DATA BAKI AWAL ASET TERSEDIA DI iGFMAS

1. TUJUAN

- 1.1 Tatacara ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pejabat Perakaunan (AO) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung tindakan yang perlu diambil setelah baki awal aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset tersedia di *Integrated Government Financial Management and Accounting System* (iGFMAS).
- 1.2 Tatacara ini disediakan dengan andaian segala aktiviti Kementerian dalam tahun 2018 yang memberi kesan kepada perubahan amaun data baki awal aset (contoh pelupusan aset) dan liabiliti (contoh pembayaran sewa pajakan), telah diambilkira semasa penyediaan templat data baki awal selaras dengan *Standard Operating Procedure (SOP)* Data Baki Awal yang telah diedarkan oleh Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Aktiviti data migrasi *stage 3* telah selesai dimuat naik secara berperingkat ke iGFMAS mulai 17 April 2019 sehingga 18 Jun 2019 dengan tarikh *posting* pada 01.01.2019.
- 2.2 Item beserta jenis urusniaga yang terlibat bagi aktiviti migrasi data baki awal ke iGFMAS adalah seperti berikut:

Bil.	Item	Kod Akaun	Jenis Urusniaga	Keterangan
1	Aset Tak Alih Tanah	A1431XXX	Z5	AA Migration
2	Aset Tak Alih Bangunan	A1432XXX	Z5	AA Migration
3	Aset Alih	A1434XXX - A1436XXX	Z5	AA Migration
4	Aset Dalam Pembinaan (AUC)	A2032XXX - A2035XXX	Z5	AA Migration
5	Aset Dalam Pembinaan (AUC) - Pertahanan	A2132XXX - A2135XXX	ZA	GL Migration Stage 3

6	Aset Dalam Pembinaan (AUC) - Konsesi	A2532XXX - A2533XXX	Z5	AA Migration
7	Aset Konsesi	A1832XXX - A1833XXX	Z5	AA Migration
8	Aset Pajakan Kewangan	A1531XXX - A1536XXX	Z5	AA Migration
9	Aset Jalan Raya	A1433XXX	Z5	AA Migration
10	Inventori	A06XXXXX / A07XXXXX	ZA	GL Migration Stage 3
11	Aset Pertahanan	A1631XXX - A1636XXX	ZA	GL Migration Stage 3
12	Akaun Belum Bayar - Aset	L013XXXX	ZA	GL Migration Stage 3
13	Liabiliti Pajakan Kewangan	L07XXXXX / L08XXXXX	Z2	AP Migration Stage
14	Liabiliti Pendapatan Tertunda	L14XXXXX / L15XXXXX	Z3	AR Migration Stage
15			ZX	Reversal GL Migration
16			ZY	Reversal Non GL Migration

- 2.3 Memandangkan aktiviti data migrasi *stage 3* hanya selesai dilaksanakan pada bulan Jun 2019, maka terdapat kemungkinan telah berlaku perubahan kepada kedudukan sebenar baki aset Kementerian dan liabiliti berkaitan, setelah mengambil kira aktiviti yang telah dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa bermula Januari 2019.
- 2.4 Sehubungan itu, tatacara ini disediakan untuk mengemaskini kedudukan baki aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset, bagi melaporkan kedudukan sebenar baki aset dan liabiliti di Kementerian susulan daripada aktiviti berikut:

Bil.	Aktiviti	Contoh
1	Aktiviti pengurusan aset berkaitan data migrasi yang berlaku dari Januari 2019 sehingga kini yang belum diperakaunkan di iGFMAS.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti pelupusan aset ▪ Aktiviti pindahan aset (selain daripada aktiviti pindahan aset susulan penstrukturkan semula kementerian dan perubahan kod PTJ Dipertanggung Tahun 2019)

2	<p>Transaksi perakaunan aset dan liabiliti berkaitan data migrasi yang telah diperakaunkan di iGFMAS dari Januari 2018 sehingga kini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memperakaunkan kos baik pulih (kos pengubahsuaian), pemberian, penggantian atau naik taraf aset) ke atas aset data migrasi yang layak dipermodalkan (Transaksi ini telah mempunyai ID Aset yang berasingan). ▪ Memperakaunkan bayaran interim bagi aset AUC (Transaksi ini telah mempunyai ID Aset AUC yang berasingan). ▪ Memperakaunkan transaksi penyelesaian AUC kepada Aset Ketara bagi bangunan yang telah memperolehi Sijil Perakuan Kerja (CPC) (Transaksi ini telah mempunyai ID Aset). ▪ Memperakaunkan hasil bagi pelupusan aset (transaksi workaround).
3	<p>Transaksi Perakaunan aset dan liabiliti berkaitan data migrasi bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun 2019 yang perlu dilaraskan di iGFMAS</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelarasan kepada kos faedah dan liabiliti pajakan kewangan susulan bayaran sewa pajakan yang telah dilaksanakan secara <i>workaround</i>. ▪ Pelarasan baki item inventori. ▪ Pelarasan kos aset melalui proses memperakaunkan susut nilai aset (penyediaan baucar jurnal pelarasan bagi susut nilai aset pertahanan sahaja. Bagi aset yang lain , ia akan dilaksanakan secara auto oleh sistem).

3. TAKRIFAN

Takrifan bagi maksud tatacara ini adalah seperti berikut:

3.1 Pejabat Perakaunan (*Accounting Offices - AO*)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian bagi Kerajaan Persekutuan.

3.2 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Merujuk kepada pejabat di mana Pemegang Waran Peruntukan/ Ketua Jabatan/ Pemungut telah menerima Penetapan Kuasa dan Tugas daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan, pengurusan akaun amanah, pengurusan terimaan dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

3.3 *Integrated Government Financial Management and Accounting System (iGFMAS)*

Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan yang berpusat, bersepadan dan berupaya menjana Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berasaskan akruan dan tunai ubahsuai.

3.4 Modul Perakaunan Aset (*Asset Accounting Module – AA*)

Salah satu modul di Portal iGFMAS yang dibangunkan untuk memperakaunkan segala transaksi perakaunan aset secara asas akruan.

3.5 Aset Dalam Pembinaan (*Assets Under Construction - AUC*)

Aset yang sedang dibina dan belum sedia untuk digunakan bagi tujuan yang dikehendaki oleh entiti.

3.6 Nilai Buku Bersih (*Net Book Value*)

Merujuk kepada nilai bawaan sesuatu aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kerajaan Persekutuan (PKKP) setelah mengambilkira amaun susut nilai terkumpul dan amaun penjejasan terkumpul bagi sesuatu aset yang berkenaan.

4. PERANAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB

- 4.1 BA Kementerian, adalah pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan kedudukan terkini aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset tahun 2019 dilaporkan dengan adil dan saksama selaras dengan piawaian dan polisi perakaunan yang berkuatkuasa.
- 4.2 Unit Perakaunan Aset dan Inventori (UPAI) BA Kementerian dengan kerjasama Unit Pengurusan Aset (UPA) JANM Negeri/Cawangan perlu bertindak sebagai pihak yang memantau dan memberi tunjuk ajar kepada PTJ dalam menyempurnakan tindakan pengemaskinian selepas data migrasi aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset dalam tahun kewangan 2019.

5. TATACARA PELAKSANAAN

- 5.1 AO perlu melakukan semakan terhadap tiga (3) jenis aktiviti yang disenaraikan di perenggan 2.4 berkaitan item 1 hingga 14 seperti di perenggan 2.2. Semakan ini penting dalam menentukan tindakan yang perlu dilakukan oleh PTJ.
- 5.2 Tindakan yang perlu dilaksanakan PTJ adalah seperti berikut:

5.2.1 Aktiviti Pelupusan bagi Aset Tak Alih (tanah & bangunan) / Aset Alih

(i) Sebelum Migrasi Data

Melaksanakan aktiviti pelupusan bagi aset data migrasi dalam tahun 2019 yang terdiri daripada jenis transaksi pelupusan seperti berikut:

- (a) Pelupusan Aset Dengan Hasil
- (b) Pelupusan Aset Tukar Barang / Tukar Beli
- (c) Pelupusan Aset (lain-lain)

(ii) Semasa Migrasi Data

Berdasarkan semua maklumat data baki awal yang telah dikemaskini pada templat, aset dimigrasi ke iGFMAS dan dilaporkan dalam Nilai Buku Bersih dengan membawa masuk Susut Nilai Terkumpul yang dikira sehingga 31.12.2018. Semua data baki awal aset yang telah dimigrasi akan diberi ID Aset iGFMAS yang terdiri daripada 12 digit (Contoh 100000000001)

(iii) Selepas Migrasi Data

Semakan perlu dilakukan oleh PTJ Kementerian bagi mengenalpasti ID Aset data migrasi yang telah terlibat dengan aktiviti pelupusan dalam tahun 2019. Semakan boleh dilakukan dengan merujuk kepada laporan berkaitan di peringkat Kementerian seperti Laporan Pelupusan Aset Alih yang disediakan oleh Pegawai Aset pada setiap suku tahun dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK). (**Rujuk Lampiran A**)

ID Aset iGFMAS data migrasi yang dikenalpasti telah dilupuskan dan belum dikemaskini di iGFMAS, perlu diambil tindakan untuk memperakaunkan pelupusan tersebut di portal iGFMAS bagi tujuan mensifarkan amaun bagi ID Aset yang berkenaan (penyahiktirafan aset). Tindakan perlu dilakukan di Portal iGFMAS melalui menu seperti berikut:

Modul AA>> Perakaunan Aset>> Pelupusan Aset >> Pelupusan Aset (Lain-Lain)

Rujuk Manual Latihan AA

AA-24200G Pelupusan Aset (Lain-Lain)

Catatan Perakaunan Pelupusan Aset (Cth. Aset HLP)		Kod Akaun
Dt.	Susut Nilai Terkumpul	A3135XXX
Dt.	Kerugian Atas Pelupusan Aset	B0554XXX
Kt.	Hartanah,Loji dan Peralatan - Kenderaan	A1435XXX
Nilai Buku Bersih ID Aset yang telah dilupuskan akan disifarkan		

Nota Penting:

- *Aktiviti pelupusan aset dengan hasil telahpun diakaunkan secara workaround menggunakan kod Hasil Jualan Harta Benda Kerajaan. Berikutan itu, tindakan melupuskan butiran aset berkenaan di iGFMAS adalah juga melalui jenis pelupusan aset (lain-lain)*
- *Bagi pelupusan dalam tahun kewangan 2019, tarikh pelupusan adalah tarikh pelupusan sebenar dan ia boleh back dated seawal 1.1.2019.*
- *Bagi kes pelupusan sebelum 2019, yang baru dikenalpasti tetapi belum diperakaunkan di iGFMAS, tarikh pelupusan adalah tarikh 1.1.2019.*

5.2.2 Aktiviti Pindahan bagi Aset Tak Alih (tanah & bangunan) / Aset Alih

(i) Sebelum Migrasi Data

Melaksanakan aktiviti pindahan berkaitan aset data migrasi yang berlaku dalam tahun 2019 **dan belum diperakaunkan** di iGFMAS di bawah butiran Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung yang terkini. Aktiviti pindahan ini adalah tidak termasuk aktiviti pindahan aset susulan penstrukturran semula kementerian atau perubahan kod Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Tahun 2019 kerana ianya telah dilaksanakan oleh JANM Ibu Pejabat. Aktiviti pindahan yang berlaku dalam tahun 2019 boleh terdiri daripada jenis transaksi seperti berikut:

- (a) Pindahan Aset Pegawai Pengawal Sama
- (b) Pindahan Aset Pegawai Pengawal Berbeza

(ii) Semasa Migrasi Data

Berdasarkan semua maklumat data baki awal yang telah dikemaskini pada templat, aset dimigrasi ke iGFMAS dan dilaporkan dalam Nilai Buku Bersih dengan membawa masuk Susut Nilai Terkumpul yang dikira sehingga 31.12.2018. Semua data baki awal aset yang telah dimigrasi akan diberi ID Aset iGFMAS yang terdiri daripada 12 digit (Contoh 100000000002)

(iii) Selepas Migrasi Data

Semakan perlu dilakukan oleh PTJ Kementerian bagi mengenalpasti ID Aset data migrasi yang telah terlibat dengan aktiviti pindahan dalam tahun 2019. Semakan boleh dilakukan dengan merujuk kepada laporan berkaitan di peringkat Kementerian seperti Laporan Pindahan Aset Alih yang disediakan oleh Pegawai Aset pada setiap suku tahun dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK). (*Rujuk Lampiran B*)

ID Aset iGFMAS data migrasi yang dikenalpasti telah dipindahkan dan belum dikemaskini di iGFMAS, perlu diambil tindakan untuk memperakaunkan pindahan aset tersebut di portal iGFMAS bagi tujuan melaporkan aset berkaitan di bawah Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung yang tepat. Tindakan perlu dilakukan di Portal iGFMAS melalui menu seperti berikut:

Modul AA >> Perakaunan Aset>> Pindahan Aset

Rujuk Manual Latihan AA

AA-24100C Pindahan Aset Pegawai Pengawal Sama

AA-24200C Pindahan Aset Pegawai Pengawal Berbeza

Catatan Perakaunan Pindahan Aset - Pegawai Pengawal Berbeza (Cth. Aset HLP)		Kod Akaun
PTJ Serah		
Dt.	Susut Nilai Terkumpul	A3135XXX
Dt.	Terimaan Pindahan Aset	H01862XX
Kt.	Hartanah,Loji dan Peralatan - Kenderaan	A1435XXX
PTJ Terima		
Dt.	Hartanah,Loji dan Peralatan - Kenderaan	A1435XXX
Kt.	Susut Nilai Terkumpul	A3135XXX
Kt.	Terimaan Pindahan Aset	H01862XX
Nilai Buku Bersih ID Aset akan dilaporkan di bawah Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Yang Baharu		

Nota Penting:

- *Bagi pindahan dalam tahun kewangan 2019, tarikh pindahan adalah tarikh pindahan sebenar dan ia boleh back dated seawal 1.1.2019.*
- *Bagi kes pindahan sebelum 2019, yang baru dikenalpasti tetapi belum diperakaunkan di iGFMAS, tarikh pindahan adalah tarikh 1.1.2019.*

5.2.3 Kos Baik Pulih Yang Dipermodalkan bagi Aset Tak Alih (tanah & bangunan) / Aset Alih

a) Kos baik pulih yang dipermodalkan bagi tahun 2018 dan 2019

(i) Sebelum Migrasi Data

Membaik pulih aset data migrasi (**contoh pengubahsuaian, pembaikan, penggantian atau naik taraf aset**). Proses baik pulih aset berlaku samada dalam tahun 2018 atau 2019 iaitu sebelum data baki awal dimuat naik ke iGFMAS. Kos baik pulih yang telah dikenalpasti layak dipermodalkan telah diperakaunkan sebagai aset ketara dan telah mempunyai ID Aset yang tersendiri (Contoh 100000000003). Tindakan mewujudkan ID Aset bagi kos baik pulih adalah bagi membolehkan kos berkenaan disusut nilai sebaik sahaja kerja-kerja baik pulih selesai dilakukan. ID Aset

bagi kos baik pulih ini adalah bersifat sementara dan amanannya perlu disifarkan setelah data baki awal dimuat naik ke iGFMAS.

(ii) Semasa Migrasi Data

Berdasarkan semua maklumat data baki awal yang telah dikemaskini pada templat, aset dimigrasi ke iGFMAS dan dilaporkan dalam Nilai Buku Bersih dengan membawa masuk Susut Nilai Terkumpul yang dikira sehingga 31.12.2018. Semua data baki awal aset yang telah dimigrasi akan diberi ID Aset iGFMAS yang terdiri daripada 12 digit (Contoh 100000000004).

(iii) Selepas Migrasi Data

Semakan perlu dilakukan oleh PTJ Kementerian bagi mengenalpasti ID Aset kos baik pulih yang telah diakaunkan sebagai aset ketara yang melibatkan aset data migrasi. PTJ perlu memindahkan amaun kos dan susut nilai terkumpul bagi ID Aset kos baik pulih tersebut kepada ID Aset data migrasi melalui program pengelasan di Modul AA (Contoh memindahkan kos dan susut nilai terkumpul ID Aset 100000000003 kepada 100000000004). Tindakan ini penting untuk menggambarkan kos keseluruhan (kos belian dan kos susulan) bagi ID Aset data migrasi selaku aset induk dan sifarkan Nilai Buku Bersih ID Aset kos baik pulih yang bersifat sementara. Tindakan perlu dilakukan di Portal iGFMAS melalui menu seperti berikut:

Modul AA >> Perakaunan Aset>> Pengelasan Aset

Rujuk Manual Latihan AA

AA-24000D Pengelasan Aset

Contoh Baris Caj – Pengelasan Aset HLP (dari 100000000003 kepada 100000000004)

Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung	Vot/ Dana	WBS Element	Kod Akaun	Kod Subsidiari	Dt.	Kt.
B6	27020300	B10	020101	A1432102	100000000003		XXX
B6	27020300	B10	020101	A3132102		XXX	
B6	27020300	G000		A1432102	100000000004	XXX	
B6	27020300	G000		A3132102			XXX
Nilai Buku Bersih ID Aset kos baik pulih akan disifarkan							

b) Kos baik pulih yang dipermodalkan yang dikemaskini di dalam templat baki awal data migrasi

(i) Sebelum Migrasi Data

Membaik pulih aset data migrasi (**contoh pengubahsuaian, pemberian, penggantian atau naik taraf aset**). Proses baik pulih aset adalah sebelum tahun 2018 iaitu sebelum data baki awal dimuat naik ke iGFMAS. Kos baik pulih yang telah dikenalpasti layak dipermodalkan telah diperakaunkan secara berasingan sebagai aset kos baik pulih yang dipermodalkan dan telah dikemaskini di dalam templat baki awal data migrasi. Kos baik pulih tersebut tidak diakaunkan kepada aset migrasi yang berkenaan.

(ii) Semasa Migrasi Data

Berdasarkan semua maklumat data baki awal yang telah dikemaskini pada templat, aset dimigrasi ke iGFMAS dan dilaporkan dalam Nilai Buku Bersih dengan membawa masuk Susut Nilai Terkumpul yang dikira sehingga 31.12.2018. Semua data baki awal aset yang telah dimigrasi akan diberi ID Aset iGFMAS yang terdiri daripada 12 digit (Contoh 100000000005 bagi aset kos baik pulih dipermodalkan dan 100000000006 bagi aset ketara)

(iii) Selepas Migrasi Data

Semakan perlu dilakukan oleh PTJ Kementerian bagi mengenalpasti ID Aset kos baik pulih yang dipermodalkan yang melibatkan aset data migrasi tetapi telah diakaunkan secara berasingan sebagai aset kos baik pulih yang dipermodalkan. PTJ perlu memindahkan amaun kos dan susut nilai terkumpul bagi ID Aset kos baik pulih tersebut kepada ID Aset data migrasi melalui program pengelasan di Modul AA (Contoh memindahkan kos dan susut nilai terkumpul ID Aset 100000000005 kepada 100000000006). Tindakan ini penting untuk menggambarkan kos keseluruhan (kos belian dan kos susulan) bagi ID Aset ketara data migrasi selaku aset induk dan sifarkan Nilai Buku Bersih ID Aset kos baik pulih yang bersifat sementara. Tindakan perlu dilakukan di Portal iGFMAS melalui menu seperti berikut:

Modul AA >> Perakaunan Aset>> Pengelasan Aset

Rujuk Manual Latihan AA

AA-24000D Pengelasan Aset

Contoh Baris Caj – Pengelasan Aset HLP (dari 100000000005 kepada 100000000006)

Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung	Vot/ Dana	WBS Element	Kod Akaun	Kod Subsidiari	Dt.	Kt.
B6	27020300	B10	020101	A1434301	100000000005		XXX
B6	27020300	B10	020101	A3134301		XXX	
B6	27020300	G000		A1434101	100000000006	XXX	
B6	27020300	G000		A3134101			XXX
Nilai Buku Bersih ID Aset kos baik pulih akan disifarkan							

Nota Penting:

- *Tindakan pengelasan ini hanya boleh dilakukan di antara ID Aset yang mempunyai kumpulan dana dan PTJ Dipertanggung yang sama.*
- *Tarikh pengelasan yang perlu dikunci masuk adalah tarikh pengelasan sebenar bagi transaksi kos baik pulih yang berlaku dalam tahun 2019.*
- *Bagi kes transaksi kos baik pulih yang berlaku sebelum tahun 2019, yang baru dikenalpasti tetapi belum diperakaunkan di iGFMAS, tarikh pengelasan adalah pada 01.01.2019.*

5.2.4 Aktiviti Pelupusan/ Aktiviti Pindahan/ Kos Baik Pulih Yang Dipermodalkan bagi Aset Pertahanan

Pelarasian yang melibatkan aktiiviti Pelupusan/ Pindahan/ Kos Baik Pulih Yang Dipermodalkan bagi aset pertahanan hendaklah dibuat secara manual melalui Baucer Jurnal GL

5.2.5 Bayaran Kemajuan (Bayaran Interim) Aset Dalam Pembinaan (AUC)

Perenggan 5.2.4 ini perlu dibaca bersekali dengan Nota Aset Dalam Pembinaan seperti di **Lampiran C**.

Memperakaunkan di iGFMAS bagi bayaran kemajuan atau bayaran tertunggak selepas CPC sebelum data baki awal sesuatu projek dimuat naik. Perakaunan yang terlibat terdiri daripada senario seperti berikut:-

Senario	Tindakan
<p>Senario 1 <i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i> diterima sebelum tahun 2018. Semua bayaran tertunggak selepas CPC (dahulu dikenali sebagai bayaran <i>penultimate</i>) diselesaikan dalam tahun kewangan 2018</p>	<p>(i) <u>Sebelum Migrasi Data</u></p> <p>Semua transaksi bayaran tertunggak selepas CPC dalam tahun kewangan 2018 di bawah kod akaun A203XXXX telah diselaraskan kepada Kod Akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX). Kesannya, kod akaun L013XXXX akan berbaki DEBIT kerana data baki awal belum dimuat naik ke iGFMAS.</p> <p>Bagi transaksi bayaran tertunggak selepas CPC yang telah dicaj di bawah kod akaun B033XXXX, tindakan pengemaskinian maklumat pada templat ABB_AUC perlu dilakukan oleh BA Kementerian berdasarkan input dari PTJ.</p> <p>(ii) <u>Semasa Migrasi Data</u></p> <p>Apabila data baki awal dibawa masuk pada tahun kewangan 2019, data aset yang disenaraikan di dalam templat ATA akan diberikan ID Aset iGFMAS (Contoh 100000000007) dan data ABB_AUC akan dimigrasi kepada Kod Akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) berbaki KREDIT. Kod akaun L013XXXX adalah diperakaunkan di peringkat Lejar Am dan tidak mempunyai lejar subsidiari.</p> <p>Amaun KREDIT kod akaun L013XXXX yang dimigrasi dari templat ABB_AUC akan menyelaraskan amaun DEBIT yang telah diperakaunkan sebelum ini.</p> <p>(iii) <u>Selepas Migrasi Data</u></p> <p>AO perlu memastikan kedudukan Akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) dan Akaun Aset (Contoh A143XXXX) adalah yang terkini.</p> <p>Bagi sesuatu projek yang telah dijelaskan keseluruhan amaun tunggakan selepas CPC, kod akaun L013XXXX bagi ID Aset projek berkenaan perlu berbaki SIFAR.</p>

Scenario 2	<p>CPC diterima sebelum tahun 2018. Bayaran tertunggak selepas CPC dibayar dalam tahun kewangan 2018 dan 2019</p>	<p>(i) <u>Sebelum Migrasi Data</u></p> <p>Pada tahun kewangan 2018, transaksi bayaran tertunggak selepas CPC diakaunkan seperti di Perenggan 5.2.4 (Scenario 1)</p> <p>Bayaran tertunggak selepas CPC yang telah dibayar pada tahun 2019 diperakaunkan secara <i>workaround</i> melalui Arahan Bayaran Invois tanpa PT dengan menggunakan kod Akaun Pelarasan Belanja Aset (B033X555).</p> <p>(ii) <u>Semasa Migrasi Data</u></p> <p>Apabila data baki awal dibawa masuk pada tahun kewangan 2019, data aset yang disenaraikan di dalam templat ATA akan diberikan ID Aset iGFMAS (Contoh 100000000008) dan data baki awal ABB_AUC akan dimigrasi kepada Kod Akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) berbaki KREDIT. Kod akaun L013XXXX adalah diperakaunkan di peringkat Lejar Am dan tidak mempunyai lejar subsidiari.</p> <p>Amaun KREDIT kod akaun L013XXXX yang dimigrasi dari templat ABB_AUC akan menyelaraskan amaun DEBIT yang telah diperakaunkan sebelum ini.</p> <p>(iii) <u>Selepas Migrasi Data</u></p> <p>AO perlu memastikan PTJ melakukan jurnal pelarasan di Modul GL bagi melaraskan bayaran tahun 2019 yang telah dicaj ke kod Akaun B033X555 kepada kod akaun L013XXXX. Tindakan ini akan mengurangkan baki L013XXXX berdasarkan jumlah tunggakan selepas CPC yang telah dijelaskan kepada kontraktor.</p> <p>Bagi sesuatu projek yang telah dijelaskan keseluruhan amaun tunggakan selepas CPC, kod akaun L013XXXX bagi ID Aset projek berkenaan perlu berbaki SIFAR.</p> <p>AO perlu memastikan kedudukan Akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) dan Akaun Aset (Contoh A143XXXX) adalah yang terkini.</p>
------------	---	--

Scenario 3	<p>Bayaran kemajuan (bayaran interim) telah bermula sebelum tahun 2018. Bayaran kemajuan diteruskan dalam tahun 2018 dan CPC telah diterima pada tahun yang sama. Bayaran tertunggak selepas CPC dijelaskan dalam tahun 2019</p>	<p>(i) <u>Sebelum Migrasi Data</u></p> <p>Pada tahun kewangan 2018, transaksi bayaran kemajuan telah diakaunkan di iGFMAS di bawah kod akaun A203XXXX dan telah mempunyai ID AUC yang tersendiri (Contoh 100000000009).</p> <p>Setelah CPC diperolehi dalam tahun 2018, PTJ telah membuat penyelesaian AUC bagi mengakaunkan amaun AUC (Contoh ID AUC 1 - 100000000009) kepada asset ketara Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) (Contoh ID HLP 1 - 100000000010). Penyelesaian AUC ini adalah bagi jumlah bayaran kemajuan untuk sesuatu ID AUC yang telah dibuat melalui iGFMAS dalam tahun 2018.</p> <p>Bayaran tertunggak selepas CPC bagi sesuatu projek, yang masih belum dibayar telah diakaunkan kepada kod akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) dan ID Aset HLP yang telah diwujudkan. (Contoh ID HLP 1 - 100000000010). Tindakan ini bertujuan untuk mempermodalkan kos pengiktirafan asset secara keseluruhan selaras dengan ketetapan perenggan 34 MPSAS 17 dan pada masa yang sama melaporkan jumlah tunggakan kepada pembekal di bawah kod akaun L013XXXX yang akan berbaki KREDIT pada tahun kewangan 2018.</p> <p>Bayaran tertunggak selepas CPC yang telah dibayar pada tahun 2019 diperakaunkan secara <i>workaround</i> melalui Arahan Bayaran Invois tanpa PT dengan menggunakan kod Akaun Pelarasan Belanja Aset (B033X555).</p> <p>Nota Penting: AO perlu memastikan bayaran tertunggak selepas CPC telah diakaunkan di bawah kod Akaun Aset Belum Bayar L013XXXX pada tahun 2018 di dalam iGFMAS. Melalui tindakan ini, tiada keperluan pengisian templat ABB_AUC. BA Kementerian hanya perlu memastikan jumlah bayaran AUC yang telah dilakukan sebelum tahun 2018 dikemaskini di templat ATA bagi tujuan migrasi data.</p>
------------	--	--

	<p>(ii) <u>Semasa Migrasi Data</u></p> <p>Apabila data baki awal dibawa masuk pada tahun kewangan 2019, data aset yang disenaraikan di dalam templat ATA akan diberikan ID Aset iGFMAS (Contoh ID HLP 2 - 100000000011). Dalam senario ini akan terdapat 2 Id Aset HLP bagi aset yang sama (1 ID HLP yang diwujudkan semasa penyelesaian AUC dalam tahun 2018 & 1 ID HLP data migrasi).</p> <p>(iii) <u>Selepas Migrasi Data</u></p> <p>(a) AO perlu memastikan PTJ melakukan jurnal pelarasan di Modul GL bagi melaraskan bayaran tahun 2019 yang telah dicaj ke kod Akaun B033X555 kepada kod akaun L013XXXX. Tindakan ini akan mengurangkan baki L013XXXX berdasarkan jumlah tunggakan selepas CPC yang telah dijelaskan kepada kontraktor.</p> <p>Bagi sesuatu projek yang telah dijelaskan keseluruhan amaun tunggakan selepas CPC, kod akaun L013XXXX bagi ID Aset projek berkenaan perlu berbaki SIFAR.</p> <p>(b) AO perlu memastikan PTJ melaksanakan tindakan pengelasan aset bagi ID HLP yang diwujudkan semasa penyelesaian AUC dalam tahun 2018 kepada ID HLP data migrasi (Contoh memindahkan kos dan susut nilai terkumpul ID HLP 1 - 100000000010 kepada ID Aset Migrasi HLP 2 - 100000000011). Tatacara dan syarat melaksanakan pengelasan adalah seperti di Perenggan 5.2.3 (iii).</p> <p>Tindakan ini penting untuk menggambarkan kos keseluruhan bagi ID Aset data migrasi selaku aset induk dan sifarkan Nilai Buku Bersih bagi ID Aset HLP yang telah diwujudkan semasa penyelesaian AUC dalam tahun 2018 yang bersifat sementara.</p> <p>(c) AO perlu memastikan kedudukan Akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) dan Akaun Aset (Contoh A143XXXX) adalah yang terkini.</p>
--	---

Scenario 4	<p>Bayaran kemajuan (bayaran interim) telah bermula sebelum tahun 2018.</p> <p>Bayaran kemajuan diteruskan dalam tahun 2018 dan CPC telah diterima pada tahun yang sama.</p> <p>Tiada lagi bayaran tertunggak selepas memperoleh CPC</p>	<p>(i) <u>Sebelum Migrasi Data</u></p> <p>Pada tahun kewangan 2018, transaksi bayaran kemajuan (bayaran interim AUC) dan penyelesaian AUC telah diakaunkan seperti di Perenggan 5.2.4 (Scenario 3). Walau bagaimanapun tiada transaksi perakaunan kepada kod akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) kerana kesemua bayaran telah diselesaikan kepada kontraktor.</p> <p>(ii) <u>Semasa Migrasi Data</u></p> <p>Apabila data baki awal dibawa masuk pada tahun kewangan 2019, data aset yang disenaraikan di dalam templat ATA akan diberikan ID Aset iGFMAS (Contoh ID HLP 2 - 100000000012). Dalam senario ini akan terdapat 2 Id Aset HLP bagi aset yang sama (1 ID HLP yang diwujudkan semasa penyelesaian AUC dalam tahun 2018 & 1 ID HLP data migrasi).</p> <p>(iii) <u>Selepas Migrasi Data</u></p> <p>(a) AO perlu memastikan PTJ melaksanakan tindakan pengelasan aset bagi ID HLP yang diwujudkan semasa penyelesaian AUC dalam tahun 2018 kepada ID HLP data migrasi. Tatacara dan syarat melaksanakan pengelasan adalah seperti di Perenggan 5.2.3 (iii).</p> <p>Tindakan ini penting untuk menggambarkan kos keseluruhan bagi ID Aset data migrasi selaku aset induk dan sifarkan Nilai Buku Bersih bagi ID Aset HLP yang telah diwujudkan semasa penyelesaian AUC dalam tahun 2018 yang bersifat sementara.</p> <p>(b) Pejabat Perakaunan perlu memastikan kedudukan Akaun Aset (Contoh A143XXXX) adalah yang terkini.</p>
------------	--	---

Scenario 5	<p>Bayaran kemajuan (bayaran interim) telah bermula sebelum tahun 2018. Bayaran kemajuan diteruskan dalam tahun 2018 sehingga status projek siap. Walau bagaimanapun CPC masih belum terima.</p>	<p>(i) <u>Sebelum Migrasi Data</u></p> <p>Pada tahun kewangan 2018, transaksi bayaran kemajuan (bayaran interim AUC) telah diakaunkan seperti di Perenggan 5.2.4 (Scenario 3) (Contoh ID AUC 1 - 100000000013). Walau bagaimanapun tiada transaksi penyelesaian AUC kepada aset ketara dilakukan dan tiada perakaunan kepada kod akaun Aset Belum Bayar (L013XXXX) kerana CPC masih belum diterima (belum menepati kriteria titik pengiktirafan).</p> <p>(ii) <u>Semasa Migrasi Data</u></p> <p>Apabila data baki awal dibawa masuk pada tahun kewangan 2019, data AUC yang disenaraikan di dalam templat AUC akan diberikan ID Aset iGFMAS (Contoh ID AUC 2 - 100000000014). Dalam senario ini akan terdapat 2 Id Aset AUC bagi aset yang sama (1 ID AUC yang diwujudkan semasa pembayaran kemajuan dalam tahun 2018 & 1 ID AUC data migrasi).</p> <p>(iii) <u>Selepas Migrasi Data</u></p> <p>(a) AO perlu memastikan PTJ melaksanakan tindakan pengelasan aset bagi ID AUC yang diwujudkan semasa pembayaran kemajuan dalam tahun 2018 kepada ID AUC data migrasi. Tatacara dan syarat melaksanakan pengelasan adalah seperti di Perenggan 5.2.3 (iii).</p> <p>Tindakan ini penting untuk menggambarkan kos keseluruhan bagi ID AUC sesuatu projek.</p> <p>(b) AO perlu memastikan kedudukan Akaun AUC (Contoh A203XXXX) adalah yang terkini.</p>
------------	--	--

Pemantauan kepada perakaunan berkaitan AUC boleh dilakukan melalui penyelenggaraan daftar AUC seperti di **Lampiran D**.

5.2.6 Pelarasan Liabiliti Pajakan Kewangan

(i) Sebelum Migrasi Data

Berdasarkan Lampiran B kepada Arahan Operasi Perakaunan Aset dan Inventori - Bil.7(viii) dalam SPANM Bil. 8/2018 (Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2018) bertarikh 23.11.2018, Kementerian telah dimaklumkan untuk memastikan perkara berikut berkaitan bayaran sewa aset pajakan kewangan:

- (a) Memastikan data baki awal yang akan dibawa masuk ke iGFMAS adalah baki terkini setelah ditolak pembayaran sewa pajakan yang telah dibuat PTJ sehingga 31/12/1018 (contoh pembayaran bagi kod akaun sewa pajakan B0224201 dan B0224202)
- (b) Sewa pajakan hendaklah merujuk kepada amaun di dalam Jadual Bayaran bagi *Availability Charges (AC)* yang terkandung di dalam dokumen kontrak
- (c) Menyemak ketepatan penggunaan kod akaun (contoh B0224201 dan B0224202) bagi pembayaran *Availability Charges (AC)* aset pajakan kewangan
- (d) Jika terdapat kesilapan penggunaan kod akaun, tindakan pelarasan perlu dilakukan kepada kod akaun yang tepat (Contoh kesilapan kod yang digunakan adalah A2032XXX B0223XXX, B0228XXX & B0229XXX)

(ii) Semasa Migrasi Data

Berdasarkan semua maklumat data baki awal yang telah dikemaskini pada templat, aset dimigrasi ke iGFMAS dan dilaporkan dalam Nilai Buku Bersih dengan membawa masuk Susut Nilai Terkumpul yang dikira sehingga 31.12.2018. Semua data baki awal aset yang telah dimigrasi akan diberi ID Aset iGFMAS yang terdiri daripada 12 digit (Contoh 100000005009). Pada masa yang sama baki liabiliti akan turut dimigrasi kepada kod akaun Liabiliti Pajakan Kewangan L0724XXX.

(iii) Selepas Migrasi Data

- (a) AO perlu memastikan amaun dan butiran chargeline (Pegawai Pengawal Dipertanggung, Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung, Pegawai Pengawal Membayar, Kumpulan PTJ & PTJ Membayar, Vot/Dana, Program Aktiviti/Kod Projek dan kod akaun) bagi data baki awal liabiliti pajakan kewangan yang telah dimuat naik ke iGFMAS adalah tepat.

- (b) AO perlu memastikan PTJ melaksanakan tindakan pelarasan kepada baki awal liabiliti pajakan kewangan (kod akaun L0724XXX) bagi mengambilkira jumlah bayaran yang telah dijelaskan dari Januari sehingga Jun 2019. Bagi bayaran sewa pajakan bermula Julai 2019 ia telah dilaksanakan secara auto oleh sistem melalui jenis dokumen AW. Walau bagaimanapun, PTJ masih perlu melakukan pelarasan bagi bayaran bermula Julai 2019 jika melalui semakan didapati ia tidak dilaraskan secara auto oleh sistem. Tindakan pelarasan ini penting bagi mengurangkan amaun liabiliti pajakan kewangan bagi melaporkan kedudukan terkini yang perlu dilakukan di Portal iGFMAS melalui menu seperti berikut:

Data Induk>> Aset Pajakan Kewangan>> Baucar Jurnal

Rujuk Tatacara Pelarasan Baucar Jurnal Aset Pajakan di **Lampiran E** dan makluman UPAIP kepada BA Kementerian bertarikh 27.08.2019 berkaitan Pembayaran Aset Pajakan Kewangan

Catatan Perakaunan Pelarasan Liabiliti Pajakan Kewangan		Kod Akaun
Dt.	Liabiliti Pajakan Kewangan Dalam Negeri	L0724XXX
Kt.	Belanja Sewaan	B0224XXX
Baki Liabiliti Pajakan Kewangan dikurangkan sebanyak amaun sewaan yang telah dijelaskan kepada pemajak (Lessor)		

Nota Penting:

- *Bagi aktiviti pelarasan baki L0724XXX ini, ia akan dilaksanakan secara terkawal oleh pihak BPTM JANM berdasarkan arahan jadual dan masa pelaksanaan yang akan dimaklumkan oleh BPOPA.*
- (c) AO perlu memaklumkan PTJ yang menguruskan pembayaran sewa pajakan kewangan untuk menyemak maklumat pelarasan bulanan kos kewangan aset pajakan yang dilaksanakan secara auto oleh sistem melalui jenis dokumen AT. Pada masa ini pelarasan kos kewangan telah dilaksanakan secara auto oleh sistem bermula Mei 2019. Pelarasan kos kewangan aset pajakan akan turut dilaksanakan secara auto oleh sistem bagi bulan Januari hingga April 2019.

Semakan maklumat pelarasan bulanan kos kewangan aset pajakan boleh dilakukan melalui penjanaan Laporan Aset Pajakan Kewangan di Portal iGFMAS sub menu Data Induk>> Laporan>> Aset Pajakan Kewangan. Contoh catatan perakaunan bagi pelarasan bulanan kos kewangan adalah seperti berikut:

Catatan Perakaunan Kos Kewangan Aset Pajakan		Kod Akaun
Dt.	Kos Kewangan Aset Pajakan	B0445801
Kt.	Liabiliti Pajakan Kewangan Dalam Negeri	L0724XXX
Baki Liabiliti Pajakan Kewangan dikurangkan sebanyak amaun sewaan yang telah dijelaskan kepada pemajak (<i>Lessor</i>)		

- (d) AO perlu memaklumkan PTJ yang menguruskan pembayaran sewa pajakan kewangan untuk menggunakan Modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan bagi Aset Pajakan Kewangan (**Jenis Dokumen K7**) sekiranya pembayaran sewa pajakan adalah kepada **kod pembekal 6 siri** atau melaksanakan pembayaran pukal (**Jenis Dokumen K3**) sekiranya melibatkan **kod pembekal 2 siri** (contoh pembekal pukal PJH). Pelaksanaan pembayaran sewa pajakan kewangan dengan menggunakan jenis urusniaga K7 atau K3 adalah **berkuatkuasa mulai September 2019**.

Nota Penting:

- *Kegagalan PTJ membuat bayaran sewa pajakan melalui jenis dokumen K7 atau K3 akan menyebabkan pelarasan kepada liabiliti pajakan kewangan tidak dapat dilakukan secara auto oleh sistem melalui jenis dokumen AW.*
- *Tindakan pembayaran menggunakan jenis urusniaga K7 perlu dilakukan di Portal iGFMAS melalui menu seperti berikut:*
Pengurusan Arahan Pembayaran >> Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan >> Daftar Dokumen>> Liabiliti Pajakan kewangan / Konsesi.

- (e) AO perlu memaklumkan PTJ yang menguruskan pembayaran sewa pajakan kewangan untuk **menyemak Laporan Aset Pajakan Kewangan** (Jenis Urusniaga K3 atau K7) sehari selepas *run payment* bagi bayaran sewa pajakan dilakukan. Laporan boleh dijana melalui Portal iGFMAS sub menu Data Induk>> Laporan>> Aset Pajakan Kewangan. Semakan laporan ini penting bagi memastikan pengemaskinian maklumat pembayaran liabiliti pajakan kewangan (Kod akaun L0724XXX / L0824XXX), susulan pelarasan secara auto liabiliti pajakan kewangan oleh sistem menggunakan jenis dokumen AW.

5.2.7 Pelarasan Baki Inventori

Perenggan 5.2.7 ini perlu dibaca bersekali dengan Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP Day 2 Modul 1 - SOP INV 1.1 Inventori Diluar Sistem iGFMAS)

(i) Sebelum Migrasi Data

Perolehan item inventori oleh PTJ berstatus PTJ Inventori bagi tahun 2019 telah diperakaunkan secara *periodic method*. Melalui kaedah ini, segala perolehan item inventori akan dicaj di bawah kod akaun Kos Barang Untuk Digunakan (B06XXXXX) atau kod akaun Inventori Untuk Dijual (B07XXXXX) terlebih dahulu sebelum diselaraskan setiap sukuan tahun kepada kod akaun Inventori Untuk Digunakan (A06XXXXX) atau Inventori Untuk Dijual (A07XXXXX).

(ii) Semasa Migrasi Data

Berdasarkan maklumat yang telah dikemaskini pada templat, baki item inventori akan dimigrasi ke iGFMAS. Kod akaun A06XXXXX atau A07XXXXX adalah diperakaunkan di peringkat Lejar Am dan tidak mempunyai lejar subsidiari.

(iii) Selepas Migrasi Data

- (a) AO perlu memastikan PTJ melaksanakan tindakan pelarasan baki inventori pada setiap sukuan tahun (Mac, Jun, September dan Disember). Bagi pelarasan baki inventori untuk sukuan ke-empat (Disember) ianya perlu disertai dengan aktiviti verifikasi baki inventori (*stock count*) sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam Tatacara Verifikasi Baki Inventori yang telah diedarkan kepada semua AO pada 9 Oktober 2018.
- (b) AO perlu memastikan kedudukan Akaun Inventori (A06XXXXX atau A07XXXXX) adalah yang terkini.

5.2.8 Hal-hal lain

(i) **Kenaan caj susut nilai bagi aset data migrasi.**

Susut nilai terkumpul yang dilaporkan bagi aset data migrasi adalah sehingga 31.12.2018. Berikutan itu, kenaan caj susut nilai bagi Januari 2019 sehingga data dimuat naik ke iGFMAS perlu dilaksanakan seperti berikut:-

(a) Aset Pertahanan (A163XXXX)

Jurnal pelarasan susut nilai perlu diperakaunkan secara bulanan bagi mengurangkan Nilai Buku Bersih aset pertahanan berdasarkan jumlah kenaan susut nilai bermula Januari 2019 sehingga data baki awal aset pertahanan dimuat naik ke iGFMAS.

(b) Aset Jalan Raya (A1433XXX)

Jurnal pelarasan susut nilai perlu diperakaunkan secara tahunan iaitu pada Disember 2019. Rujuk Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP Day 2 Modul 1 – AK6 Susut Nilai Jalan Raya)

(c) Lain-lain Aset (A143XXXX, A153XXXX & A183XXXX)

Kenaan caj susut nilai bulanan bermula Januari 2019 akan dilaksanakan secara auto oleh sistem. PTJ adalah bertanggungjawab untuk menyemak ketepatan caj susut nilai pada Laporan Susut Nilai Modul AA setelah ia dilaksanakan.

(ii) Penjejasan Nilai Aset

Penjejasan adalah kerugian dalam manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan sesuatu Aset, selain daripada pengiktirafan sistematik kerugian manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan Aset melalui Susut Nilai atau Pelunasan. Oleh itu, Penjejasan, menggambarkan penurunan dalam penggunaan Aset kepada entiti (PTJ) yang mengawalnya.

Entiti (PTJ) hendaklah menaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat apa-apa petunjuk bahawa aset mungkin terjejas. Penaksiran ini juga perlu dilakukan bagi ID Aset yang telah dimigrasi ke iGFMAS. Jika wujudnya apa-apa petunjuk, entiti hendaklah menganggar Amaun Perkhidmatan Boleh Pulih/Amaun Boleh Pulih Aset tersebut.

Jika Amaun Perkhidmatan Boleh Pulih atau Amaun Boleh Pulih Aset adalah kurang daripada Amaun Bawaan, Amaun Bawaan Aset tersebut hendaklah dikurangkan kepada Amaun Perkhidmatan Boleh Pulih atau Amaun Boleh Pulih. Pengurangan ini adalah dicaj sebagai Kerugian Penjejasan di bawah kod akaun B4X3XXXX.

Rujuk Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP Day 2 Modul 1 – AK3 Penjejasan Aset)

(iii) Penurunan Nilai Inventori

Penurunan Nilai Inventori berlaku apabila Nilai Realisasi Bersih Inventori (*Net Realisable Value*) adalah lebih rendah daripada nilai kos inventori. Amaun yang diturunkan nilai kepada Nilai Realisasi Bersih atau Kos Penggantian Semasa hendaklah dibelanjakan dalam tempoh penurunan nilai berkenaan dibuat dan dicaj di bawah kod akaun B52XXXXX (Penurunan Nilai Inventori Untuk Digunakan) atau B53XXXXX (Penurunan Nilai Inventori Untuk Dijual).

Rujuk Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP Day 2 Modul 1 – INV 1.2
Penurunan Nilai Inventori)

6. PEMANTAUAN

- 6.1 Adalah menjadi tanggungjawab semua AO untuk memastikan arahan yang telah digariskan di dalam tatacara ini dilaksanakan oleh PTJ yang berkenaan.
- 6.2 BA Kementerian adalah bertanggungjawab dalam memastikan ketepatan pelaporan inventori, aset dan liabiliti berkaitan perakaunan aset bagi Penyata Kewangan Kementerian susulan daripada aktiviti tindakan pengemaskinian perakaunan aset dan liabiliti selepas data baki awal tersedia di iGFMAS.

7. PENUTUP

- 7.1 Semua AO dan PTJ perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Tatacara Tindakan Pengemaskinian Perakaunan Aset dan Liabiliti Selepas Data Baki Awal Aset Tersedia di iGFMAS.
- 7.2 Sebarang pertanyaan berkenaan tatacara ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Perakaunan Aset & Inventori Persekutuan
Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Emel : upaip.bpopa@anm.gov.my

LAMPIRAN A

Pekeling Perbendaharaan Malaysia

AM 1.1 Lampiran A

LAMPIRAN A6

LAPORAN PELUPUSAN ASET ALIH SUKU TAHUN BAGI TAHUN

Kementerian/ Jabatan:

TAHUN SEMASA	JUMLAH KUANTITI	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL ASET MENGIKUT KAADAH (RM)										JUMLAH NILAI SEMASA (RM)	HASIL PELUPUSAN (RM)	KOS PENGENDALIAN (RM)	
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	J				
Suku Tahun Pertama																
Suku Tahun Kedua																
Suku Tahun Ketiga																
Suku Tahun Keempat																
JUMLAH KESELURUHAN																

- PETUNJUK: A: JUALAN (TENDER, SEBUT HARGA, LELONG)
B: BUANGAN TERJADUAL (E-WASTE) DAN SISA PEPEJAL
C: JUALAN SISA (TENDER, SEBUT HARGA & JUALAN TERUS)
D: TUKAR BARANG/PERKHIDMATAN
E: TUKAR BELI
F: TUKAR GANTI
G: HADIAH
H: SERAHAN
I: MUSNAH (TANAM, BAKAR, BUANG, TENGGELAM, LETUP, LEDAK DAN LEBUR)

M.S. 16/36

LAMPIRAN B

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

AM 1.1 Lampiran A

LAMPIRAN A5

LAPORAN PINDAHAN ASET ALIH SUKU TAHUN BAGI TAHUN

Kementerian/ Jabatan:

TAHUN SEMASA	TERIMAAN			PENGELUARAN		
	JUMLAH KUANTITI PINDAHAN	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL	JUMLAH NILAI SEMASA (RM)	JUMLAH KUANTITI PINDAHAN	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL	JUMLAH NILAI SEMASA (RM)
Suku Tahun Pertama						
Suku Tahun Kedua						
Suku Tahun Ketiga						
Suku Tahun Keempat						
JUMLAH KESELURUHAN						

M.S. 15/36